

18/10/1998

Jangan peralat kanak-kanak, wanita

KUALA LUMPUR: Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail meminta pihak tertentu tidak menggunakan kanak-kanak dan wanita sebagai pelindung kepada kegiatan salah yang mereka jalankan.

Katanya, golongan itu sewajarnya dilindungi dari segala bentuk jenayah dan sebarang usaha memeralatkan mereka untuk kegiatan bertentangan undang-undang dipandang serius.

Katanya, sebagai orang dewasa, masyarakat sepatutnya melindungi kanak-kanak dan wanita mengikut peruntukan undang-undang yang ada kerana kanak-kanak belum matang untuk menentu sama ada pelakuan mereka salah atau betul.

"Saya ingin menegaskan supaya pihak yang terbabit menggunakan kanak-kanak untuk menjalankan kegiatan mereka supaya menghentikan perbuatan itu.

"Mereka masih belum boleh berfikir mengenai baik buruk sesuatu tindakan dan menggunakan mereka boleh membahayakan diri kanak-kanak terbabit," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Hari Kanak-Kanak Sedunia ke 45, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai pembabitan kanak-kanak dalam kegiatan reformasi yang diadakan berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September lalu.

Majlis itu dirasmikan oleh Raja Permaisuri Agong, Tuanku Najihah.

Terdahulu itu, Zaleha berkata, kerajaan sentiasa berusaha mengatasi masalah membabitkan kanak-kanak dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan matlamat Deklarasi Sedunia Mengenai Kehidupan, Perlindungan dan Pembangunan Kanak-Kanak yang ditandatangani pada Julai 1991 dapat dicapai.

Menurut beliau, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyuarakan pada majlis itu kanak-kanak, belia dan remaja perlu memainkan fungsi mereka sendiri dengan mendalami ilmu pengetahuan kerana masa depan negara berada di dalam tangan mereka.

"Saya juga ingin menyeru semua agensi mengkaji semula program masing-masing dan melaksanakan program yang bersesuaian untuk memastikan tiada kana-kanak yang tertinggal dan keutamaan haruslah diberikan kepada mereka yang memerlukan jagaan khas," katanya.

Pada majlis itu, dua kanak-kanak dipilih menerima Anugerah Tunas Jaya Kebangsaan serta pemilihan Anugerah Kanak-Kanak Khas Kebangsaan bagi kategori cacat pendengaran, cacat penglihatan, terencat akal, spastik dan bermasalah pembelajaran.

Muhamad Ashraf Zulkifly, 13, dari Pahang dipilih sebagai pemenang Anugerah Tunas Jaya Kebangsaan bagi lelaki manakala Noor Shamila Shanaz Noor Sham, 13, dari Kelantan menerima anugerah yang sama mewakili pelajar perempuan.

(END)